

30/09/1998

Fungsi agensi penarafan negara dikaji semula

KERAJAAN akan mengkaji semula fungsi agensi penarafan negara ini bagi memastikan ia berfungsi membantu meningkatkan ekonomi negara, bukannya sekadar mementingkan keuntungan sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ketika ini agensi terbabit semakin angkuh dan bongkak apabila melakukan penarafan syarikat, bank, malah sesebuah negara sesuka hati mereka.

Mengambil contoh dua agensi penarafan antarabangsa Moody dan Standard & Poor's, yang pernah menurunkan nilai kredit negara sehingga menyukarkan Malaysia mendapat pinjaman baru-baru ini, Dr Mahathir berkata agensi itu perlu kembali ke peranan asal iaitu membuat penarafan hanya apabila diminta oleh sesebuah syarikat, bank atau negara.

Menurutnya, disebabkan permintaan untuk penarafan semakin meningkatkan, agensi itu menjadi semakin angkuh dan berpendapat mereka boleh menentukan nasib sesebuah pertubuhan atau negara.

"Agensi penarafan ini adalah satu lagi alat yang digunakan Barat untuk memiskinkan negara yang bakal menjadi pesaing mereka dalam pasaran dunia dengan cara mereka menurunkan kredit penarafan yang memaksa kita membayar faedah tinggi.

"Selepas mendapati mereka mempunyai banyak kesan kepada sesiapa yang membayar penarafan, timbul perasaan angkuh bahawa mereka boleh menentukan nasib bukan saja sebuah syarikat atau bank, malah negara," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998, yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapha Mohamed di Dewan Rakyat, semalam.

Dengan mengambil contoh tindakan Moody dan Standard & Poor's, Perdana Menteri berkata ketika Malaysia mengumumkan penubuhan Danaharta, kedua-dua agensi itu dengan sengaja membuat penarafan terhadap negara ini.

"Mereka memberi penarafan untuk memburukkan Malaysia kerana jika kita ingin membuat pinjaman dari negara asing untuk NPL (pinjaman tidak berbayar), kita kena bayar faedah tinggi. Sebab itu kita menghadapi kesukaran untuk meminjam," katanya.

Kerana itu, katanya, kerajaan menggunakan perkhidmatan Salomon Smith Barneys, sebuah lagi agensi penarafan antarabangsa yang berjaya membuktikan penarafan yang dibuat oleh kedua-dua agensi terbabit tidak tepat.

"Sepatutnya agensi penarafan ini dikaji semula peranannya. Sepatutnya ia kembali pada peranan asal iaitu membuat penarafan apabila diminta saja. Selama ini mereka tamak, angkuh dan membuat penarafan sesuka hati mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, ketika ini kerajaan sedang mengkaji langkah untuk mengawal agensi penarafan tempatan bagi memastikan ia berfungsi sewajarnya.

"Agensi penarafan sepatutnya menolong pasaran saham, bukannya menjadi agensi yang melemahkan syarikat, bank atau negara sehingga mengakibatkan ekonomi lebih buruk, bukan lebih baik," katanya.

(END)